# BAB 1 : KEMUNCULAN TAMADUN AWAL MANUSIA

**ZAMAN PRASEJARAH**
Zaman manusia masih belum mengenali tulisan

1. Bandingkan empat Zaman Prasejarah. [ms2]

| CIRI-CIRI | ZAMAN PALEOLITIK | ZAMAN MESOLITIK | ZAMAN NEOLITIK | ZAMAN LOGAM<br>i. Zaman Gangsa<br>ii. Zaman Besi |
|---|---|---|---|---|
| 1. Cara hidup | -Nomad (berpindah randah)<br>- dalam kelompok keluarga/ berkumpulan | -Nomad (berpindah randah)<br>- dalam kelompok keluarga/ berkumpulan | - menetap<br>- dalam kelompok besar | - menetap<br>- rumah |
| 2. Tempat tinggal | -Tepi tasik,<br>-tepi sungai,<br>-dalam gua | -Tepi tasik,<br>-tepi sungai,<br>-dalam gua | | - petempatan besar dan kota pertahanan<br>- berkambang menjadi bandar dan kota |
| 3. Pekerjaan | -Memungut hasil hutan,<br>-memburu binatang, -menangkap ikan | -Memungut hasil hutan,<br>-memburu binatang,<br>-menangkap ikan | -Bercucuk tanam,<br>-menternak binatang<br>- melebur logam<br>-sistem pertukaran barang dagangan (Barter) | - perdagangan maritim |
| 4. Alatan | -Alatan batu yang mengutamkan fungsi | -Alatan batu yang mengutamkan fungsi | - Alatan batu yang dilicinkan<br>-mempunyai pelbagai fungsi<br>- bahan tembikar | - alatan besi<br>- mencipta perahu dan rumah |

2. Apakah makna tamadun? [ms4]

| Kata Kunci | Butiran | Kata Kunci | Butiran |
|---|---|---|---|
| Bahasa Arab | - Perkataan mudun dan madain<br>Madana- tinggi budi bahasa<br>- pembukaan bandar | Bahasa Inggeris | - civilization (Bahasa Greek - civitas)<br>- bermaksud bandar<br>-peradaban |
| Pandangan Islam | - merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniah | Masyarakat Barat | - pembangunan lahiriah (hal-hal kebudayaan seperti penulisan, undang-undang, kesenian dan pembandaran) |
| Sarjana Islam | i. Syed Naquib al-Attas- tamadunialah pencapaian tahap tatsusila yang tinggi dan kebudayaan yang luhur oleh sesebuah masyarakat | Sarjana Barat | i. Gordon Childe - pencapaian lahirian merupakan kayu ukur kemajuan tamadun dalam sesebuah masyarakat<br>ii. Dancy Riberio dan R.A. Buchanan - menolak unsur rohaniah sebaliknya hanya menekankan kepentingan dan pembangunan lahiriah dalam proses perkembangan tamadun<br>iii. Richard Sullivan - mengakui unsur rohaniah sangat penting dalam konsep tamadun |

**5. Bandingkan proses pembentukan empat tamadun awal manusia. [ms10 - 33]**

| BUTIRAN | TAMADUN MESOPOTAMIA | TAMADUN MESIR PURBA | TAMADUN INDUS | TAMADUN HWANG HO |
|---|---|---|---|---|
| **LOKASI** | [ms 10]<br>- tamadun terawal dunia Mesopotamia - tanah di antara dua sungai (Sungai Tigris dan Euphrates) | [ms17]<br>- dianggap anugerah Sungai Nil<br>- Sungai Nil berpunca daripada dua anak sungai iaitu Sungai Nil Biru dan sungai Nil Putih | [ms 23]<br>- tamadun terawal di India<br>- terletak di Lembah Sungai Indus<br>- dikenali juga sebagai tamadun Harappa<br>- terletak di bahagian barat laut India | [ms 28]<br>- muncul daripada kesuburan tanah yang terdapat di Hwang Ho / Sungai Kuning<br>- Hwang Ho merupakan sungai kedua terpanjang di China dan terletak di bahagian Utara China<br>- ciri fizikalnya bergunung-ganag dan berpadang pasir menyebabkan tamadun ini bersifat setempat |
| **KERANGKA MASA** | [ms 10]<br>- berkembang daripada petempatan awal Zaman Neolitik<br>- 7 zaman pemerintahan<br>i. Kerjaan Sumeria (3500-2340 SM)<br>ii. Kerajaan Akkad (2371- 2006 SM)<br>iii. Kerajaan Ur (2113-2006 SM)<br>iv. Kerajaan Babylon Awal/Lama (2000 - 1530 SM)<br>v. Kerajaan Kassites (1530 - 1100 SM)<br>vi. Kerajaan Assyria (1100 - 626 SM)<br>vii. Kerajaan Chaldea (626 - 539 SM)<br>- runtuh akibat serangan Parsi | [ms 18]<br>- berkembang daripada petempatan awal Zaman Neolitik<br>- terdapat 4 zaman<br>i. Zaman Awal (3100 - 2200 SM)<br>ii. Zaman Pertengahan (2040 - 1785 SM)<br>iii. Zaman Empayar (1570 - 1085 SM)<br>iv. Zaman Keruntuhan (1085 - 322 SM)<br>- pemerintahannya dikuasai orang asing seperti Libya, Kush, Assyria, Parsi, Yunani dan Rom. | [ms 23]<br>-muncul sekitar tahun 2500 SM dan merosot pada tahun 1800 SM<br>- mengalami kehancuran kerana serangan orang Aryan, serta bencana alam seperti banjir, kemarau dan gempa bumi | [ms 29]<br>- kemunculannya dapat dikesan daripada jumpaan tengkorak homo sapien (Peking Men - 400,000 SM)<br>- mmebuktikan adanya kehidupan Zaman Paleolitik<br>- Zaman Neolitik muncul sekitar tahun 5000 SM di mana munculnya aktiviti pertanian dan penternakan<br>- Dinasti berja pertama di China diasaskan oleh Dinasti Hsia (2205 - 1766 SM) tetapi tiada bukti<br>- kewujudan Dinasti Shang (1766 - 1050 SM) dibuktikan melalui jumpaan arkeologi<br>- diganti dengan Dinasti Chou (1050 - 256 SM) selepas muncul kebangkitan hamba kerana kezaliman Raja Shang |
| **PROSES PEMBEN-TUKAN** | [ms 11]<br>- terbentuk 2 bahagian<br>**i. BAHAGIAN UTARA BANDAR BAGHDAD**<br>- meliputi kawasan pertengahan Sungai Tigris hingga ke utara termasuk kawasan Sungai Zab (Assyria) | [ms 18]<br>- mencapai tahap kebudayaan gangsa pada Zaman Logam<br>- penggunaan alat logam untuk membina sistem perparitan dan pengaliran yang baik untuk pertanian<br>- membina peralatan kawalan | [ms 24]<br>-wujud penduduk nomad di barat laut India<br>- menyara diri dengan memburu dan mengumpul makanan<br>- membentuk petempatan kekal di sepanjang | [ms]<br>- berasaskan peranan Hwang Ho yang telah menyuburkan kawasan sekitarnya<br>- menarik penduduk nomad untuk tinggal menetap dan membina petempatan awal iaitu di Tapak Banpo<br>- menjalankan aktiviti pertanian,penternakan binatang, |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **ii. BAHAGIAN SELATAN BANDAR BAGHDAD**<br>- meliputi kawasan Sungai Tigris dan Euphrates yang hampir<br>**<u>T. MESOPOTAMIA</u>**<br><br>bercantum (Babylon yang terbahagi kepada Akkad - utara, dan Sumeria-selatan)<br>- pertumbuhan bermula di selatan iaitu Sumer<br>- orang Sumeria telah berhijrah dan membina petempatan<br>- menebus guna tanah dan membina sistem pengairan untuk menjalankan pertanian<br>- kampung berkembang menjadi bandar kepada beberapa buah negara kota seperti Kish, Nippur, Lagash, Uruk, Ur, Eridu, Assur dan Mari | banjir dan terusan untuk meningkatkan kesuburan tanah<br>- didirikan petempatan tetap yang berteraskan pertanian<br><br>**<u>T. MESIR PURBA</u>**<br><br>- berkembang menjadi perkampungan<br>- gabungan kampung membentuk bandar<br>-gabungan bandar membentuk nome / daerah<br>- nome disatukan dengan salah sebuah bandar menjadi pusat pentabdiran<br>Contoh - Thinis, Memphis dan Thebes | Sungai Indus kerana terdapat sumber air dan tanah subur<br><br>**<u>T. INDUS</u>**<br><br>- peningkatan hasil pertanian membawa kepada pertambahan penduduk<br>- menyumbang kepada perkembangan bandar<br>Contoh - Mohenjo-Daro dan Harappa<br>Bandar pelabuhan - Lothal dan Sutkagen Dor | mengumpul hasil hutan dan memburu<br>-perkembangan petempatan awal melahirkan bandar<br>Contoh – Anyang<br><br>**<u>T. HWANG HO</u>**<br><br>- pusat kerajaan Dinasti Shang<br>- banyak kemajuan dibawa seperti perluasan wilayah dan penyebaran budaya<br>- semasa Dinasti Chou, tamadun initersebar hingga ke bahagian selatan Sungai Yangtze |
| **CIRI-CIRI TAMADUN** | **[ms 11]**<br>**i. PETEMPATAN KEKAL - NEGARA KOTA**<br>- Kawasan utama ialah pusat kota, tembok kota, luar kota dan pelabuhan<br>- kubu pertahanan dan pintu gerbang yang menjadi lambang kekayaan sesebuah kota<br>- di dalam kota terdapat istana, rumah kediaman, rumah ibadat, rumah kedai, dan pasar<br>- jalannya lurus dan lebar<br>- pusat kota ialah rumah ibadat yang menjadi tumpuan masyarakat<br>- setiap kota mempunyai unit politik dan agama yang tersendiri | [ms 18]<br>**i. PETEMPATAN KEKAL - NEGARA KOTA**<br>- Firaun Menes menyatukan semua nome menjadi kerajaan<br>- mengasaskan pusat pentadbiran di Thinis<br>- berpindah ke Memphis<br>- berpindah ke Thebes pada kemuncak Zaman pertengahan<br>Bandar penting - Heliopolis, Fayoum dan Abydos<br>- bandar menjadi tempat kediaman firaun, pusat pemerintahan danpentadbiran, pelabuhan, pusat keagamaan dan pusat tumpuan penduduk | [ms 24]<br>**i. PETEMPATAN KEKAL**<br>- membawa kepada pembentukan bandar terancang<br>- terbahagi 2 bahagian dan dikelilingi tembok<br>**a.Pusat pentadbiran dan keagamaan**<br>- menempatkan bangunan pentadbiran, temapat mandi awam yang digunakan untuk upacara ritual dan pembersihan dan tempat penyimpanan hasil pertanain | [ms 29]<br>**- i. PETEMPATAN KEKAL - NEGARA KOTA**<br>- di Anyang terdapat istana, kuil, dan pusat pentadbiran<br>- ketua pemerintah (raja), golongan pembesar dan golongan agama tinggal di bandar<br>- lengkap dengan tembok untuk menghalang pencerobohan musuh<br>- dikelilingi oleh perkampungan yang didiami oleh masyarakat petani |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | - kewujudan sungai dan tanah pamah memudahkan pengangkutan dengan kapal, pedati dan keldai<br>- jalan laut menghubungkan bandar/ negara kota dengan wilayah disekitarnya<br>- jalan utama ialah antara Sumeria dan kota Mari<br><br>**<u>T. MESOPOTAMIA</u>**<br><br>**ii. ORGANISASI SOSIAL**<br>- 2 golongan<br>i. Golongan pemerintah<br>- raja, ketua pendeta, ketua tentera, orang bangsawan<br>ii. Golongan rakyat<br>a. Rakyat bebas<br>- petani, artisan, pedagang<br>b. Hamba<br>- tawanan perang<br><br>**iii. SISTEM PEMERINTAHAN**<br>- berbentuk teokrasi<br>- raja dianggap sebagai tuhan / wakil tuhan dan pemilik negara kota<br>- tidak menyembah raja sebagai tuhan<br>- kecuali semasa Raja Naramsin yang memaksa penduduk Akkad menyembahnya sebagai tuhan<br>- menggelarkan dirinya Raja Empat Penjuru Alam kerana menganggap dirinya terlalu agung setelah berjaya menguasai wilayah yang luas<br>- raja menjadi ketua pentadbir, ketua tentera, dan ketua pendeta | **ii. ORGANISASI SOSIAL**<br>**a. Firaun**<br>**-** diketuai oleh firaun yang merupakan raja berkuasa mutlak dan dianggap suci<br>- jawatannya diwarisi turun-temurun<br><br>**<u>T. MESIR PURBA</u>**<br><br>- pada zaman kerajaan lama,firaun dianggap tuhan Horus<br>- pada masa dinasti ke-3 dan ke-4, firaun digelar Raja Matahari kerana dipercayai firaun adalah anak Tuhan Matahari (Amon-Re)<br>- menjadi ketua pendeta, pemilik tanah, ketua hakim dan ketua pahlawan<br><br>**b. Golongan bangsawan, rahib, tuan tanah dan jurutulis**<br><br>**c. Rakyat bebas**<br>- petani. pedagang dan artisan<br><br>**d. Hamba**<br><br>**iii. SISTEM PEMERINTAHAN**<br>- diketuai oleh raja iaitu firaun<br>- dibantu oleh golongan bangsawan untuk menjalankan pentadbiran, menjaga keamanan, mengurus dan mengagihkan penghasilan makanan di dalam negara<br>- terdiridaripada pegawai, | **b. Kawasan Perumahan**<br>**-** susun atur sistematik<br>- perancangan bandarnya dibantu oleh kemajuan ilmu geometri dan pembinaan serta sumbangan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba<br>**<u>T. INDUS</u>**<br><br>- bandar disusun berasaskan blok berbentuk segi empat<br>- setiap blok dipisahkan oleh satu rangkaian jalan raya yang lurus dan bersambung antara satu sama lain<br>- setiap bandar mempunyai sistem kumbahan yang terancang<br>- bandar dihubungkan dengan sungai sebagai jalan perhubungan<br><br>**ii. ORGANISASI SOSIAL**<br>- 2 golongan<br>**a. Golongan Atasan**<br>- pemerintah daripada kalangan pendeta yang mempunyai kuasa dan pengaruh besar dalam mengawal aktiviti masyarakat terutama keagamaan<br>- pendeta dan pedagang | **ii. ORGANISASI SOSIAL**<br>**a. Raja -** paling atas<br>**b. Golongan bangsawan, pembesar dan pegawai kerajaan**<br>- hanya golongan pembesar yang mampu memiliki tentera dan senjata gangsa maka mereka mampu menundukkan golongan bawahan<br><br>**c. Gol. petani, artisan dan pedagang**<br>- petani membentuk sebahgain besar penduduk dan mendiami kawasan di luar bandar<br>**<u>T. HWANG HO</u>**<br><br>- artisan mahir dalam teknologi gangsa membuat senjata, perisai dan hiasan pada kereta kuda yang digunakan oleh tentera serta peralatan untuk upacara keagamaan<br>**d. Hamba**<br>- perhambaan merupakan satu ciri utama dalam Dinasti Shang<br><br>**iii. PENGKHUSUSAN PEKERJAAN**<br>- golongan pembesar mempunyai tentera masing-masing<br>- 2 kumpulan tentera<br>a. Tentera berkereta kuda<br>b. Tentera berjalan kaki<br>- golongan petani menjadi tonggak ekonomi dan pentadbiran berperanan memenuhi keperluan golongan atasan<br>- golongan artisan mereka cipta [elbagai barangan tembaga seperti bekas minuman dan makanan, senjata dan barang tembikar<br>- golongan hamba berfungsi sebagai tentera paksaan, membantu kerja perburuhan, dan menjadi korban dalam upacara penyembahan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | - raja menjadi ketua agama yang berkuasa melantik ahli keluarga diraja memegang jawatan di zigurat dan menentukan bentuk pentadbirannya<br>- ziggurat berfungsi sebagai pusat ibadat, pusat perdagangan, dan pusat penyimpanan khazanah negara<br>- raja berkuasa dalam soal tanah, cukai, hasil pertanian dan perniagaan<br>-raja dibantu oleh para pegawai daripada golongan bangsawan dan keluarga diraja<br>**<u>T. MESOPOTAMIA</u>**<br><br>**iv. PENGKHUSUSAN KERJA**<br>- terdapat lebihan hasil pertanian<br>- petani bertukar menjadi peniaga, pedagang dan artisan<br>- berlaku perdagangan dengan wilayah sekitar dan kawasan di Lembah Indus<br>- hasil pertanian ditukar dengan barangan import iaitu logam, kayu-kayan, emas dan perak<br>- terdapat pembuat tekstil, barang tembikar, dan alat keperluan harian, tukang rumah serta tentera<br><br>**v. SISTEM TULISAN**<br>- bermula dengan tulisan bergambar<br>- berkembang menjadi tulisan berbentuk simbol yang ditulis pada tanah liat<br>- berbentuk pepaku dan dinamakan cuneiform | penasihat dan gabenor yang mentadbir wilayah yang ditakluki<br>- rahib bertanggungjawab mentadbir hal keagamaan<br>- urusan pentadbiran dibantu oleh jurutulis yang terdiri daripada orang awam yang telah dilantik untuk menulis segala rekod kerajaan<br>-Mengiktiraf wanita sebagai pemimpin<br>Contoh - Firaun Hatshepsut<br><br>**<u>T. MESIR PURBA</u>**<br><br>- di zamannya penuh pembaharuan seperti pembinaan terusan dan penukaran padang pasir kepada tanag pertanian yang subur<br><br>**iv. PENGKHUSUSAN KERJA**<br>- penenunan dan pembauatn barang tembikar dan peralatan<br>-eksport utamanya ialah tekstil dan kertas<br>- aktiviti lain ialah perlombongan emas di Nubia<br>- pengangkutan air sangat penting<br>- Sungai Nil yang lebar dan dalam membolehkan kapal menyusuri dan berlabuh dipelabuhan seperti Thebes, Memphis, Fayoum dan Heliopolis.<br><br>**v. AGAMA DAN** | **b. Golongan Bawahan**<br>- petani yang menjalankan aktiviti pertanian dan menyalurkan sebahagian daripada hasilnya kepad apihak berkuasa<br>- buruh yang menjalankan kerja perburuhan seperti menjaga kebersihan bandar, membina tembok di benteng dan membina terusan<br>**<u>T. INDUS</u>**<br><br>- hamba<br><br>**iii. PENGKHUSUSAN PEKERJAAN**<br>- kegiatan ekonomi seperti perdagangan, pertanian, pertukangan dan pembuatan<br>- aktiviti perdagangan luar dengan Mesopotamia<br>- buktinya penemuan cap mohor buatan masyarakat Lembah Indus di Mesopotamia<br>- hasil dagangan yang penting seperti emas, gading gajah, manik dan hasil pertanian<br>- petani menanam barli, kacang dan sebagainya<br>- artisan terlibat dalam penghasilan logam dan | **iv. SISTEM PEMERINTAHAN**<br>**-** Dinasti Shang - pemerintahan beraja<br>- pengganti raja dilantik daripada kalangan saudara lelaki yang lebih muda atau anak lelaki raja<br>- Raja-raja Shang mempunyai kewibawaan politik, ekonomi, sosial dan agama<br>- raja berkuasa secara langsung di kawasan pusat pentadbiran<br>- kuasa raja merupakan mandat daripada tuhan<br>- Raja-raja Shang tidak perlu mendapat pengesahan politik kerana mereka adalah daripada keturunan pemerintah agama<br>- raja dibantu oleh golongan bangsawan dan pegawai kerajaan<br><br>**<u>T. HWANG HO</u>**<br><br>- dalam Dinasti Shang, golongan bangsawan mentadbir wilayah di luar pusat pentadbiran<br>- golongan bangsawan berhak mewujudkan sistem pentadbirannya sendiri dalam hal seperti pungutan cukai, pertahanan dan undang-undang<br>- sistem ini diasimilasikan oleh dinasti Chou<br>- Raja-raja Dinasti Chou membahagikan pemilikan tanah kepada wilayah-wilayah dan melantik pembesar tempatan di setiap wilayah<br>- pembesar tempatan didikat melalui ikrar taat setia , disamping memberikan hadiah seperti kereta kuda, senjata gangsa, hamba dan binatang<br>- mereka diminta melindungi raja dan memberi bantuan tentera pada masa perang |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**T. MESOPOTAMIA** | **KEPERCAYAAN**<br>a. Politeisme<br>- setiap tuhan dikaitkan dengan unsur alam seperti Re (Tuhan Matahari), Ra-Atum (Tuhan Langit), Amun (Tuhan Angin)<br><br>b. Percaya kehidupan selepas mati<br>- mayat perlu disimpan dan dijaga dengan teliti<br>- makam mayat mesti dipenuhi dengan peralatan serta kepeluan kehidupan selepas mati<br>- solekan mayat, alat kebesaran dan jumlah barang yang dikebumikan di dalam makam menunjukkan kedudukan / status mayat tersebut<br><br>**T. MESIR PURBA**<br><br>**vi. SISTEM TULISAN**<br>- dinamakan hieroglif<br>- kombinasi gambar dan simbol yang berdasarkan bunyi<br>- bertujuan mencatatkan rekod aktiviti pertanian, pengutipan cukai, keagamaan dan ritual kepercayaan. | barangan tembikar<br><br>**iv. AGAMA DAN KEPERCAYAAN**<br>- dibuktikan dengan penemuan patung dan ukiran yang mempunyai unsur keagamaan<br>Contoh - Patung Proto-siva<br>- objek ini duduk bersila dengan stail yoga dengan tiga tanduk di kepalanya yang melambangkan Dewa Brahma, Vishnu dan Siva<br>- dikaitkan dengan agama Hindu<br>- percaya kepada Tuhan Ibu<br>**T. INDUS**<br><br>**v. SISTEM TULISAN**<br>**-** berbentuk piktograf | - pembesar tempatan diberi hak sebagai ketua agama untuk menjalankan upacara pengorbanan<br><br>**v. AGAMA DAN KEPERCAYAAN**<br>- animisme<br>- politeisme<br>- penyembahan roh nenek moyang<br>- menyembah tuhan syurga (Shang-ti) dan tuhan bumi (Tu)<br>- menyembah sungai, bukit dan gunung<br>- upacara penyembahan melibatkan permaian muzik, tarian dan korban yang diketuai oleh bomoh<br>- jumpaan tulang binatang dan kulit kura-kura di Anyang (tulang oracle)<br>- berfungsi meramal sesuatu keadaan<br>- bomoh akan meletakkan tulang di atas unggun api sehingga timbul rekahan<br>- rekahan ini ditafsirkan dan disabitkan dengan sesuatu kejadian<br><br><br>**T. HWANG HO**<br><br>**vi. SISTEM TULISAN**<br>- amalan penilikan tulang oracle membawa kemunculan sistem tulisan awal di China<br>- berbentuk ideogram yang berbentuk simbol<br>- tulisan asal kebanyakan mempunyai gambar seperti kanak-kanak, bulan, matahari dan sungai<br>- tulisan ini mula berubah kepada bentuk yang lebih kompleks seperti yang terdapat pada hari ini |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **SUMBANGAN** | **[ms 14]**<br>**i. KOD UNDANG-UNDANG HAMMURABI**<br>- digubal semasa Raja Hammurabi memerintah Babylon<br>- berteraskan hak rakyat terhadap keadilan<br>- hukuman dan denda mestilah setimpal dengan kesalahan tetapi berbeza mengikut susun lais masyarakat<br>- mengandungi 282 undang-undang<br>- dipahat pada tembok dan tiang besar supaya rakyat dapat membacanya<br>- menjadi dasar perundangan<br>- berjaya mengelakkan permasalahan di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan di kalangan susun lapis masyarakat<br>- mewujudkan perpaduan dan mengukuhkan sistem organisasi masyarakat<br>-membantu peradaban Mesopotamia bertahan lama (3500 SM-539SM)<br><br>**<u>T. MESOPOTAMIA</u>**<br><br>**ii. SISTEM TULISAN**<br>- membawa kepada sistem pendidikan yang melahirkan jurutulis<br>- membolehkan urusan pentadbiran dan perniagaan dicatat dan direkodkan | [ms 21]<br>**i. SENIBINA**<br>- piramid<br>- bermula daripada ilham Imhotep iaitu saintis, ahli fizik, arkitek dan penasihat penting Firaun Djoser<br>- memperkenalkan teknik pembinaan bangunan dengan menggunakan batu bata<br>- merupakan pengamal ilmu perubatan dan pengarang buku sains dan sastera<br>- pembinaan piramid menggambarkan kreativiti masyarakat Mesir Purba dalam bidang pembinaan<br><br>**ii. KERTAS**<br>- mencipta kertas daripada pokok papyrus<br>- memudahkan penyimpanan dan meninggalkan kebergantungan pada kepingan batu bata untuk menyimpan khazanah negara<br><br>**<u>T. MESIR PURBA</u>**<br><br>**iii. SISTEM TULISAN**<br>- hieroglif<br>- keagungan tamadun Mesir Purba dapat dibaca daripada tulisan yang terpahat dengan begitu cantik, halus dan penuh seni pada makam dan batu | [ms 27]<br>**i. PERANCANGAN BANDAR**<br>- bandar Mohenjo-Daro dan Harappa<br>- gabungan kepakaran dari sudut letak bandar dan pengisiannya<br>- memerlukan pemahaman dan kemahiran ilmu geometri, kesenian, matematik dan pembinaan<br>- pemahaman geometri hasil pertembungan dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba membolehkan bandarnya disusun berasaskan bentuk segi empat dan jalan raya yang lurus.<br>- meningkatkan mutu bahan binaan dengan membakar batu bata dengan suhu yang tinggi dan tidak hanya bergantung kepada panas matahari<br><br>**<u>T. INDUS</u>**<br><br>- kecemerlangan perancangan bandarnya merupakan gabungan daripada pelbagai pengetahuan dan pencapaian termasuklah geometri, matematik dan | [ms 32]<br>**i. POLITIK**<br>- sistem pemerintahan monarki diteruskan hingga ke zaman Dinasti Ching<br>- gelaran raja ditukar kepada maharaja<br>- konsep anak syurga dan mandat dari syurga dikaitkan dengan raja (maharaja)<br>- amalan putaran dinasti diteruskan oleh dinasti-dinasti di China hingga abad ke-20<br><br>**ii. EKONOMI**<br>- pembinaan sistem pengairan<br>- sejak zaman awal dinasti China terutama zaman Shang menitikberatkan pembangunan pertanian<br>- terusan dibina untuk mengairi kawasan pertanian dan mengawal banjir<br>Contoh - Zaman Chin, Shih Huang Ti membina terusan di Szechwan<br>- kemajuan dalam teknologi pembajakan<br>- penciptaan cangkul dan sabit<br>- menggunakan batas untuk penanaman<br>- menggantikan alat pertanian daripada kayu kepada alat besi<br><br>**<u>T. HWANG HO</u>**<br><br>**iii. SISTEM TULISAN**<br>- sistem tulisan digunakan dalam bidang penulisan dan percetakan<br>- tulisan diajar di sekolah-sekolah di China<br>- tulisan ini terus berkembang dengan penggunaannya oleh orang Korea dan Jepun |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | - dalam perdagangan, semua urusan jual beli disertakan resit, nota dan surat kredit<br>- melahirkan kesusasteraan<br>Contoh - epik Gilgamesh<br>- hasil kesusasteraan tertua yang mengandungi falsafah dan cara hidup orang Mesopotamia<br><br>**iii. ILMU ASTRONOMI**<br>- pencerapan terhadap pergerakan bulan, bintang dan matahari membawa kepada perkembangan ilmu matematik<br>Contoh - mengira perpuluhan, menambah, menolak, mendarab, membahagi, dan punca ganda dua<br>- membawa kepada perkembangan ilmu geometri<br>- membolehkan mengguna jalan laut<br>- mencipta kalendar yang berasaskan sistem solar yang mengandungi 12 bulan dalam satu tahun<br><br>**iv. ILMU PERUBATAN**<br>- mendapat perhatian khusus semasa kerajaan Assyria yang mementingkan kesihatan tenteranya<br>- 500 jenis ubat-ubatan termasuk herba dan ramuan perubatan telah dikatalogkan dan disampelkan penggunaannya | **iv. SISTEM PENDIDIKAN**<br>- untuk kanak-kanak keluarga atasan<br>- diberi pendidikan sejak umur rendah<br>- diuruskan oleh rumah ibadat dan diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan<br>- bertujuan melahirkan pegawai kerajaan terutamanya jurutulis yang sempurna dan terlatih<br>- diajar ilmu geometri, matematik dan sains untuk melahirkan golongan terlatih yang boleh menguruskan hal ehwal pertanian, pengawalan air Sungai Nil dan pembinaan bangunan dan piramid<br><br>**v. PERUBATAN**<br>- melahirkan pengamal perubatan<br>- mendapat status yang tinggi dalam msyarakat<br>- berkhidmat untuk firaun dan masyarakat<br>- proses memumiakan mayat<br>- mahir dalam bidang fizik, kimia, perubatan, pembedahan | teknologi pembakaran batu bata<br><br>**ii. SIFAT KETERBUKAAN**<br>- dapat membuat hubungan dengan tamadun lain iaitu tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba<br>- pengaruh dari luar disesuaikan dengan keadaan dan suasana tempatan | **iv. KEPERCAYAAN**<br>- pemujaan roh nenek moyang kekal hingga ke hari ini<br>- unsur pemujaan disesuaikan mengikut kesesuaian masa<br>Contoh - unsur korban manusia digantikan dengan unsur makanan, duit kertas dan barangan perhiasan<br>- konsep Yin dan yang serta Feng Hsui juga kekal hingga ke hari ini<br><br>**v. KALENDAR**<br>- di zaman Shang, sistem kalendar telah diperkenalkan iaitu terdapat 30 hari dalam sebulan dan 360 hari dalam setahun<br>- raja menggunakn kalendar untuk menentukan musim menanam dan menuai<br>- amalan menggunakan kalendar diteruskan untuk aktiviti harian seperti upacara perkahwinan, perburuan dan pengkebumian<br><br>**vi. FALSAFAH PERANG SUN TZU**<br>- karyanya *The Art of War* membicarakan selok-belok perang dan bagaimana menangani musuh<br>- pada hari ini, falsafah ini diaplikasikan sebagai taktik dalam urusan perniagaan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **<u>T. MESOPOTAMIA</u>**<br>- cara mengubat penyakit dengan menggunakan ubat-ubatan juga telah dicatatkan sebagai panduan kepada pengamal perubatan<br><br>**v.PENCIPTAAN RODA**<br>- digunakan pada kereta kuda untuk tujuan peperangan dan pada masa aman<br>- membolehkan penciptaan kincir air untuk mengalirkan air ke kawasan tandus dan meningkatkan hasil pertanian serta mengawal banjir<br><br>**vi. ALAT PENGANGKUTAN**<br>- menggunakan kapal layar dan pengangkutan beroda<br>- mampu menguasai jalan darat dan jalan laut<br>- menghubungkan wilayah di India dan di kawasan Laut Mediterranean<br><br>**vii. SENI BINA**<br>**-** cara membuat batu bata daripada tanah liat<br>- mencipta arca dan tinag batu<br>Contoh - patung Raja Gudea<br><br>**viii. KEPIMPINAN**<br>**-** kepimpinan berwibawa Raja Sargon<br>- mewujudkan empayar pertama di dunia iaitu kerajaan Akkad<br>- berjaya menakluk dan menyatukan wilayah-wilayah kerajaan Sumeria di selatan Mesopotamia | **<u>T. MESIR PURBA</u>**<br><br>**vi. SALIRAN**<br>- pengawalan saliran air Sungai Nil<br>- perkembangan ilmu matematik seperti algebra, geometri, dan astronomi telah digunakan sepenuhnya dalam mengawal banjir Sungai Nil yang berlaku sekali setahun<br>- berjaya mencipta sistem pengairan yang telah menukarkan kawasan padang pasir menjadi kawasan tanah pertanian<br>Contoh - Firaun Senuusret III membina tembok pengairan sepanjang 123 km bagi menebus guna kawasan padang pasir dan membina terusan untuk mengairkan tanah seluas 10,000 hektar<br><br>**vii. KALENDAR**<br>- pengetahuan dalam bidang astronomi dan matematik melahirkan kalendar 365 hari berdasarkan 12 bulan dalam setahun | | |

NOOR AZMA SEMAN SAM BB SALAK TINGGI